

HUBUNGI SUKUD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI • 019-6680920 / 019 6680275

Pendidikan pengaruhi pengundi

Ia antara tiga elemen penting selain kos sara hidup dan faktor keselamatan

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

Beberapa pemimpin muda dalam kalangan wanita bersetuju aspek pendidikan antara topik yang mempengaruhi pilihan pengundi pada PRU kali ini.

Ketua Puteri Umno Bahagian Kuala Langat, Asuma Beevi Mohamed Sali berkata, difahamkan hampir 50 peratus pengundi PRU14 adalah pengundi daripada golongan muda.

Menurutnya, kecenderungan pengundi muda untuk mengundi ada-



Siti Zubaidah bersama sebahagian peserta dan tetamu khas yang hadir salam Program Sukan Rakyat Wanita Muda Dun Tanjung Sepat di Pantai Cunang, semalam.

lah jaminan untuk kelangsungan hidup di Malaysia.

"Antara elemen utama adalah kos sara hidup, pendidikan dan keselamatan.

"Jaminan kestabilan tiga elemen ini akan menjadi pendorong utama bagi pengundi muda memilih kerajaan yang

akan memerintah negara pada masa akan datang," katanya.

Asuma berkata, pendidikan merupakan aset bagi golongan luar bandar untuk bersaing dengan golongan di bandar baik dari segi akademik mahu pun kemahiran hidup.

Katanya, jaminan orang muda atau pun #JomBN yang dilancarkan minggu lepas membuktikan satu perancangan masa hadapan yang sangat inklusif dengan golongan muda dan pelbagai lapisan masyarakat utamanya yang melibatkan ekonomi dan pendidikan.



ASUMA BEEVI

"Bagi saya ia membuka ruang dan peluang bagi setiap golongan untuk menjadikan ilmu sebagai aset kebiduan.

"Pengundi hari ni sebegini dah bijak, mereka akan memilih pemimpin yang akan membantu mereka ke arah yang lebih baik," katanya.

Di Kuala Langat, Asuma berkata, memang terdapat perancangan untuk penambahbaikan infrastruktur institut-institut sedia ada dan

juga penambahan sekolah berasrama penuh seperti MRSM dan pusat latihan sukan bagi anak muda di Kuala Langat.

Sementara itu, Ketua Puteri Umno Bahagian Sepang, Siti Zubaidah Abu Bakar berpendapat, isu pendidikan memang menjadi salah satu pengaruh pengundi terutama golongan guru dan ibu bapa.

Menurutnya, manifesto BN yang memberi tumpuan kepada pelajar luar bandar dengan penyediaan prasarana pembelajaran yang mengikut peradaran zaman, cukup baik.

"Saya fikir ia sebagai usaha meringankan beban guru selain *job matching* dibuat di peringkat sekolah adalah secara terbaik dalam menyediakan pelajar ke dalam dunia pekerjaan," katanya selepas Program Rakyat Wanita Muda Dun Tanjung Sepat, semalam.

Mangsa kebakaran bakal terima rumah

PULAU CAREY - Dua buah keluarga Orang Asli yang terlibat dalam kebakaran rumah bakal menikmati rumah baharu tidak lama lagi.

Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Daerah Kuala Langat, Jantan Awang berkata, permohonan rumah mangsa kebakaran di Kampung Orang Asli (KOA) Sungai Bumbun awal bulan April dan permohonan rumah di KOA Kampung Tongkah tahun lalu telah diluluskan.

Menurutnya, pihaknya masih menunggu waran dari ibu pejabat sementara Jakoa Selangor membuat prosedur mengikut prosedur kewangan.

"Dalam kejadian kebakaran di Sungai Bumbun, mangsa, Siran Awam, 62, bersama isteri, anak dan tiga orang cucunya terpaksa tinggal se-

mentara di Balai Raya KOA Sungai Bumbun.

"Ada cadangan untuk buat gotong royong bina pondok sementara di tapak rumah lama sehingga rumah baharu disiapkan," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan jeritan seorang warga emas berjaya menyelamatkan isteri, anak dan tiga cucunya daripada rentung dalam kejadian kebakaran yang berlaku di rumahnya di KOA Sungai Bumbun.

Kejadian berlaku kira-kira jam 4.30 pagi itu, mangsa sempat menjeriti api beberapa kali sebelum bersama anak lelakinya mendukung tiga orang cucunya keluar rumah menyelamatkan diri.

Pelbagai pihak tampil menghulurkan sumbangan sehinggalah difahamkan bakal menikmati rumah baru tidak lama lagi.

Kekal silaturahim sebelum, semasa, selepas PRU

KUALA LANGAT - Suasana perang bendera di Daerah Kuala Langat disifatkan masing-masing kurang meriah berbanding sebelum ini.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati kemeriahan bendera hanya dilihat di kawasan kampung berbanding laluan utama pengguna jalan raya.

Lebih menarik beberapa individu menyifatkan sentimen silaturahim antara penyokong parti perlu kekal sama ada sebelum, semasa dan selepas PRU.

Bekas Ketua Pemuda Pas Kawasan Kuala Langat, Hairul Nizam Tohar berkata,

suasana suram tanpa kerancakan pemasangan bendera mungkin disebabkan masing-masing masih menanti pengumuman calon-calon.

Menurutnya, jika nama calon sudah diumumkan sudah pasti perang bendera dilihat lebih menarik dan rancak dipasang.

"Bagaimanapun, saya harap semua yang terlibat dalam pemasangan bendera supaya jaga akhlak sepanjang berkempen.

"Negara ini negara demokrasi, pasang bendera ikut peraturan," katanya ringkas.



Laluan utama Banting ke Klang masih lagi suram tanpa dihiasi pelbagai bendera parti.

Beliau yang juga Ahli Majlis, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) berkata, selepas PRU, mereka yang terlibat diharapkan dapat membersihkan semula kawasan kempen.

Katanya, itu tanda akhlak ahli politik yang baik.

"Tetapi saya yakin masyarakat terutama penyokong setiap parti di daerah ini faham dengan peraturan yang ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab," katanya yang mohon kerjasama pelbagai pihak mematuhi peraturan.

Bagi Abdul Razak Ramli berkata, perang bendera un-

tuk PRU adalah perkara biasa yang mana tanpa kemeriahan bendera, secara tidak langsung 'mood' PRU seperti janggal. Katanya, dia yang bekerja di sebuah pusat khidmat dun mengakui perang bendera ibarat malam raya, tanpa pelita.

"Bagaimanapun dalam kemeriahan pemasangan bendera, ukhwah perlu dijaga.

"Bagi saya, sama ada sebelum, sedang dan selepas PRU, silaturahim tetap silaturahim manakala ukhwah tetap ukhwah," katanya ringkas.



Keadaan laluan ke sebuah kampung dilihat sudah rancak dengan suasana perang bendera.